



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
ZON MARITIM LABUAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
NO JKR 214P KM 1.5 JALAN PATAU-PATAU  
87000 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Telefon: 087-453777  
Faks: 087-452999  
Laman Web: [www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)

Ruj. Kami : APMM.DM14.100-10/3/5 (2)

Tarikh: 17 September 2022

## KENYATAAN MEDIA

### **BARGE TENGGELAM, LIMA KRU SELAMAT**

LABUAN, 17 September – Lima kru barge dan bot kargo yang membawa muatan air tawar terselamat akibat daripada cuaca buruk di perairan Pulau Kuraman, semalam.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin bin Jusoh berkata, Pusat Operasi Zon Maritim Labuan telah menerima aduan berkaitan kejadian berkenaan. Bot peronda Maritim Malaysia yang sedang dalam rondaan Op Sejahtera telah ditugaskan ke lokasi kejadian dan menjumpai sebuah bot kargo yang sedang berusaha untuk menyelamatkan kru barge yang telah tenggelam.

Kesemua mangsa yang berumur lingkungan 30 tahun hingga 45 tahun telah dipindahkan ke Bot Tunda YAKIN yang berada berdekatan. Kesemua mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan. Pihak syarikat akan melakukan usaha pengapungan semula barge berkenaan.

Justeru itu, sebarang kejadian kecemasan dan kemalangan di laut mohon segera dilaporkan terus melalui talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Labuan di talian 087-427999.

-TAMAT-

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi:

Lk (M) Mohamad Rafie Bin Rifin  
Pegawai Perhubungan Awam  
No. Tel : 018-9462463  
Email : [rafierifin@mmea.gov.my](mailto:rafierifin@mmea.gov.my)